



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

KEMENTERIAN LUAR NEGERI MENDUKUNG BELANJAWAN MADANI 2024 KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT MALAYSIA

Kementerian Luar Negeri menyambut baik ucapan pembentangan Belanjawan 2024 oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023. Belanjawan 2024 ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam mendorong pertumbuhan ekonomi negara ke arah menjadikan Malaysia antara 30 ekonomi terbesar di dunia, sekali gus meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Belanjawan ini membolehkan Kementerian mempromosikan keamanan serantau, mengangkat isu antarabangsa yang berkepentingan dan memperluaskan peranan dan pengaruh Malaysia melalui penglibatan aktif di platform antarabangsa. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri menyokong penuh hasrat Belanjawan 2024 untuk meningkatkan semula kedudukan dan martabat Malaysia di persada antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Kementerian Luar Negeri telah diperuntukkan RM1,126,598,900 bagi tahun 2024, berbanding RM971,134,100 pada tahun 2023. Daripada jumlah tersebut, RM916,848,600 merupakan Belanja Mengurus, iaitu peningkatan sebanyak 13.25 peratus, berbanding tahun sebelumnya. Peruntukan Belanja Pembangunan pula adalah sebanyak RM209,750,300 iaitu peningkatan sebanyak 29.86 peratus, berbanding tahun 2023.

Kementerian Luar Negeri juga bertekad untuk terus mengukuhkan penyampaian Perkhidmatan Konsular kepada rakyat Malaysia, termasuk dengan meningkatkan penggunaan aplikasi digital dan teknologi ICT; dan memperluaskan pemberian bantuan kemanusiaan kepada rakyat Malaysia yang ditimpa musibah atau terkandas di luar negara. Dalam hal ini, peruntukan besar berjumlah RM10 juta yang buat julung kali disediakan di bawah Kumpulan Wang Amanah Rakyat Malaysia Luar Negeri, adalah penting bagi Kementerian Luar Negeri membela nasib rakyat Malaysia yang menjadi mangsa sindiket penipuan pekerjaan dan kes-kes kebajikan lain di luar negara.

Peruntukan 2024 juga akan dimanfaatkan bagi menaik taraf infrastruktur di Kementerian Luar Negeri dan Perwakilan-perwakilan Malaysia di luar negara, menambah baik kebajikan penjawat awam dan memperkasakan modal insan Kementerian Luar Negeri.



WISMA PUTRA

Kementerian Luar Negeri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri, merangkap Menteri Kewangan, di atas peruntukan yang disalurkan kepada Kementerian. Keprihatinan YAB Perdana Menteri meningkatkan keupayaan Kementerian dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia. Di samping itu, sokongan padu Kerajaan turut membolehkan Kementerian Luar Negeri memberi sumbangan yang lebih bermakna dalam sektor ekonomi dan pembangunan negara dan mengembalikan imej cemerlang Malaysia di mata dunia.

PUTRAJAYA

14 Oktober 2023



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my